

>> **Perlu mekanisme *pastikan hidup terjamin selepas bersara***

HARIAN METRO

# Rancang persaraan

■ **Didik bakal pesara bagi kurangkan bergantung skim pencer**

Mahaizura Abd Malik  
mahaizura@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Program berbentuk literasi kewangan perlu dilakukan secara berkala dengan sokongan pelbagai agensi dan majikan supaya bakal pesara boloh merancang persaraan mereka dengan sebaik mungkin, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada skim pencer disediakan kerajaan.

Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah dan Jaringan Industri & Masyarakat) Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Dr Mohamad Fazli Sabri berkata, kajian dilakukannya tahun lalu menunjukkan hasil membimbangkan yang memerlukan mekanisme bagi memastि



kan kehidupan rakyat Malaysia terjamin selepas bersara.

"Kajian itu dilakukan ke atas 600 penjawat awam seluruh Malaysia bagi melihat sejauh mana tahap kesejahteraan kewangan mereka.

"Hasilnya kita dapati 57 peratus mengaku tiada simpanan. Malah, kajian itu juga mendapati 14 peratus menerima notis tertunggak, 22.4 peratus tidak membayar baki kad kredit dan 51 peratus tiada wasiat"

**“Hasilnya kita dapati 57 peratus mengaku tiada simpanan. Malah, kajian itu juga mendapati 14 peratus menerima notis tertunggak, 22.4 peratus tidak membayar baki kad kredit dan 51 peratus tiada wasiat”**

**Dr Mohamad Fazli Sabri**

baki kad kredit dan 51 peratus tiada wasiat.

"Selain itu, 68 peratus dibebani hutang, 10.4 peratus disenarai hitam dan 24 peratus daripada mereka tidak mempunyai insurans maupun takaful hayat," katanya mengulas cadangan pemansuhan pencer penjawat awam.

Beliau berkata, dapatan itu secara keseluruhannya

menggambarkan tahap rakyat Malaysia menguruskan kewangan termasuk menyimpan masih rendah.

"Dulu orang pilih kerja kerajaan sebab ada jaminan dan manfaat selepas bersara, tetapi bayangkan umur 60 tahun bagaimana hendak teruskan kelangsungan hidup?

"Saya bimbang dengan tabiat orang kita lebih banyak berbelanja daripada menyimpan, mereka akan terkesan apabila tiada skim pencer kelak."

"Data itu secara keseluruhan boleh kita jangkakan berlaku juga kepada rakyat Malaysia yang tiada skim pencer," katanya.

Oleh itu katanya, lebih banyak program pendidikan pengurusan kewangan perlu diwujudkan seawal usia bagi memupuk tabiat menyimpan dan sebagai persediaan menghadapi kehidupan selesa bersara.